

22 JUN 2002

Mahathir-Gulung (Inggeris)

KERAJAAN GUNA ICT UNTUK MENGAJAR BAHASA INGGERIS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan kerajaan akan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk melaksanakan dasar mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris di semua peringkat persekolahan mulai tahun depan.

Perdana Menteri berkata guru hanya akan bertindak sebagai fasilitator dengan menggunakan komputer dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran.

Langkah itu dapat mengatasi masalah kekurangan guru bahasa Inggeris dan dapat membantu kerajaan memperkenalkan dasar itu secepat mungkin, katanya ketika menggulung perbahasan di akhir Perhimpunan Agung Umno di Pusat Perdagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berkata murid-murid akan menggunakan CD-ROM dalam pembelajaran mereka dan guru yang tidak mahir berbahasa Inggeris pun boleh membantu murid dengan bantuan ICT itu.

"Inilah pendekatan kita. Kalau kita nak ikut proses biasa mungkin memakan masa yang lama," katanya.

Beliau berkata dengan pendekatan baru itu, guru pun akhirnya akan dapat meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris.

Mengenai pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan ICT, Dr Mahathir berkata pelajar umpamanya boleh membaca, mendengar sebutan yang betul dan komputer boleh menunjukkan jawapan yang betul bagi sesuatu soalan.

Perdana Menteri berkata memang dijangkakan akan timbul sedikit masalah di peringkat awal penggunaan ICT itu tetapi adalah lebih baik memulakannya sekarang daripada lewat.

Dasar itu diperkenalkan bagi membolehkan rakyat negara ini menguasai dengan segera bidang sains dan teknologi yang berkembang pesat setelah kerajaan mendapati masalah kelemahan penguasaan bahasa Inggeris merupakan antara sebab utama rakyat tidak dapat menguasai bidang itu.

Beliau berkata kerajaan juga memberi penekanan kepada bahasa Inggeris kerana ia merupakan asas untuk mempelajari bahasa lain seperti Rusia dan Perancis, antara pendokong utama teknologi di dunia ini.

Kerajaan, kata Dr Mahathir, memang sentiasa mengamalkan dasar "leap frog" (katak lompat) bagi mempercepatkan proses mencapai sesuatu matlamat.

Beliau berkata proses konvensional memakan masa bagi menyelesaikan sesuatu masalah dan Malaysia sudah membuktikan boleh berjaya menggunakan dasar itu.

Sebagai contoh, negara boleh menghasilkan kereta dalam masa yang singkat dipelajarinya sedangkan negara Barat mengambil masa 100 tahun untuk mempelajari cara membuat kereta sebelum menghasilkan produk itu.

"Sebab itu kita mesti ada kepercayaan pada diri sendiri. Apabila kita ada masalah, kita boleh cari jalan penyelesaiannya," katanya.

Malaysia juga bebas menyuarakan pendapatnya di arena antarabangsa kerana dasarnya yang tidak terikat dengan mana-mana pihak.

Dr Mahathir berkata banyak negara membangun tidak dapat menyuarakan pandangan mereka di Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) kerana terikat dengan, sebagai contoh, menerima bantuan atau ugutan dari negara maju.

"Cuma Malaysia yang berani menghulurkan lehernya untuk ditetak," katanya.

Negara membangun lain sekiranya ingin menyatakan sesuatu yang bertentangan dengan kehendak negara pemberi bantuan pasti akan dikenakan tekanan seperti dikehendaki membayar balik pinjaman dengan segera atau

bantuan akan dihentikan serta-merta.

Malaysia, katanya, membuat pinjaman kewangan bagi membiayai projek pembangunannya hanya daripada pasaran dan bukannya daripada negara lain kecuali Jepun.

Negara cuma meminjam daripada Jepun kerana negara itu menawarkan kadar faedah pinjaman yang rendah iaitu 0.7 peratus setahun dan tempoh bayaran balik selama 40 tahun.

"Malaysia mempunyai rizab lima setengah bulan dan baru-baru ini kita mengeluarkan bon bukan kerana kita memerlukan wang tetapi cuma hendak tahu nilai penarafannya," katanya.

Dr Mahathir berkata negara mempunyai dana dalam negeri yang banyak dan sebagai contoh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tabung Haji serta Perkeso dan KWSP sahaja mengumpul RM1 bilion setiap bulan.

Malaysia mempunyai tabungan terbesar dalam dunia dengan kadar 38 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Dr Mahathir juga memberi jaminan kerajaan akan memberikan bantuan kewangan secukupnya kepada pelajar miskin yang ingin melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tingi swasta.

-- BERNAMA

JM ZS MOZ